

11/01/2002

Koizumi pertimbang pakej bantuan kewangan

KUALA LUMPUR, Khamis - Jepun akan mempertimbangkan pakej bantuan kewangan bagi pembangunan infrastruktur di negara ini, khususnya projek bekalan air di Semenanjung, walaupun negara itu mengalami kelembapan ekonomi.

Jurucakap rasmi Perdana Menteri Jepun, Norio Hattori, berkata Perdana Menteri Junichiro Koizumi sudah mengarahkan supaya permintaan Malaysia dipertimbangkan sejajar dasarnya yang memberi keutamaan kepada negara Asean.

Beliau berkata, walaupun Jepun terpaksa mengurangkan 10 peratus daripada peruntukan Program Pembangunan Rasmi (Oda) tahun ini, pakej bantuan tetap ditawarkan terutama kepada negara Asean.

"Perdana Menteri Koizumi sudah menjelaskan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai masalah kewangan yang dihadapi Jepun. Bagaimanapun, beliau memberi jaminan akan meneliti permintaan Dr Mahathir," katanya pada taklimat media hasil lawatan kerja sehari Koizumi, di sini hari ini.

Hattori yang juga Setiausaha Akhbar Kementerian Luar Jepun berkata, dalam pertemuan kedua-dua pemimpin, Dr Mahathir memaklumkan masalah yang dihadapi projek bekalan air terutama aspek alam sekitar dan pemindahan penduduk.

(END)